



KENYATAAN MEDIA

KONVENSYEN USAHANITA BINAAN (KUBINA) 2016

14 APRIL 2016 – Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) julung kalinya menganjurkan Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2016 kali Ke-3 bertempat di MATRADE Kuala Lumpur bertemakan “**Wanita Pemacu Kelestarian Negara**”. Konvensyen telah berjaya menarik minat 600 penyertaan terdiri daripada usahanita dan wanita profesional. Konvensyen ini adalah anjuran bersama Kementerian Kerja Raya dan LLM dengan usahasama rakan-rakan strategik iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Kerja Raya (JKR), Persatuan Syarikat- syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan Pertubuhan Wanita Industri Binaan Malaysia (WIBM).

Objektif utama penganjuran konvensyen ini adalah untuk mendengar suara wanita dan memperkasakan peranan mereka, mentransformasi budaya dan strategi kerja wanita untuk terus maju di samping memperkasa maklumat, idea serta inovasi baharu dalam industri binaan negara dan lain-lain bidang industri.



KUBINA 2016 menyediakan platform terbaik yang menghimpunkan usahanita dan wanita profesional bagi membuka ruang intelek dan diskusi yang aktif dan proaktif. Ia juga membuka peluang dan potensi perniagaan, mengembangkan budaya penerokaan ilmu serta menjadi tapak peserta bertukar idea dan rangkaian hubungan. Penceramah jemputan KUBINA 2016 adalah:

- i. YB. Dato’ Sri Rohani Abdul Karim
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- ii. YBhg. Datuk Ir. Rosaline Ganendra
Pengarah Minconsult Sdn. Bhd
- iii. YBhg. Dato’ Normaziah Sheikh Mohamed
Pengarah Urusan Megapadu Sdn Bhd

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2515 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @infotrafikllm |

✉ aduan@llm.gov.my

- iv. YBhg. Dato' Noorizah Hj. Abdul Hamid
Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif PLUS Malaysia Berhad
- v. YBhg. Datuk Ar. Tan Pei Ing
Pengarah P I Architect
- vi. YB Tan Sri Rafidah Aziz
Pengerusi Air Asia X Bhd



Pada konvensyen ini, Timbalan Menteri Kerja Raya selaku Penaung KUBINA, telah membentangkan cadangan resolusi KUBINA 2016 yang menyentuh pengiktirafan kepada wanita dengan memberi markah bonus semasa penilaian tender kerja dan firma perundingan yang diterajui oleh wanita jika lulus semua peringkat penilaian, peruntukan dana bagi pelaksanaan resolusi dan mewujudkan anugerah khas bagi kontraktor binaan wanita terbaik yang berjaya mengekalkan kelestarian di dalam bisnes.




Majlis penutupan KUBINA 2016 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Sebelum meninggalkan majlis, beliau sempat melawat pameran yang diadakan sempena KUBINA 2016.


Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia
14 April 2016

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

 : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2515 / 2691 / 2692 |  : 03-87383555

 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @infotrafikllm|

 aduan@llm.gov.my